

Gelombang banjir: Najib bimbang mangsa ramai

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, melahirkan kebimbangannya berikutan beberapa kawasan di pantai timur sedang dilanda gelombang baharu banjir yang menyebabkan jumlah mangsa semakin ramai.

Justeru, Najib berkata, beliau mahu semua agensi kerajaan bersiap sedia untuk memberi apa jua bentuk bantuan kepada mangsa-mangsa di kawasan terjejas.

"Kita harus pastikan bantuan sama ada

dari segi pemindahan dan penempatan sementara atau berkaitan pemulihan pasca banjir sampai kepada (mereka) yang memerlukan," katanya menerusi laman *Twitter* rasminya, semalam.

Menurut portal Infobanjir Jabatan Kebajikan Masyarakat, sejumlah 3,916 mangsa banjir di Kelantan sedang mendapatkan perlindungan di pusat pemindahan, manakala jumlah mangsa di Terengganu ialah 175 orang. - *Bernama*